

Newspaper	Berita Harian
Date	3 June 2015

TPM tidak buat kejutan

BH-3/6/2015

» Muhyiddin tolak dakwaan bakal buat pengumuman mengejutkan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

▮ Sepang



Muhyiddin **disambut ahli UMNO** setibanya dari bercuti di luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di tanah air malam tadi selepas bercuti di luar negara, namun tidak membuat sebarang 'pengumuman mengejutkan' seperti dakwaan sesetengah pihak.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sambil disambut oleh kira-kira 50 individu sebelum keluar dari bilik khas orang kenamaan di aras 5, kira-kira jam 9.30 malam dan terus menuju ke kenderaan yang sedia menunggu di luar terminal.

Wakil media yang menunggu ketibaan Timbalan Perdana

Menteri sejak jam 7 malam, cuba mendapatkan reaksi beliau, namun Muhyiddin hanya menyebut 'good' (bagus) ketika ditanya perasaannya selepas menjejakkan kaki ke tanah air.

Tiada sebarang agenda Sementara itu, seorang daripada hadirin yang menunggu ketibaan Timbalan Presiden UMNO, berkata kumpulan yang hadir di KLIA tidak mempunyai apa-apa agenda, seka-

dar mahu menunjukkan sokongan kepada Muhyiddin.

"Kami hadir untuk menunjukkan kesatuan dan tidak mahu ada mana-mana pihak cuba memecah belahkan parti," katanya yang juga aWi UMNO.